

10/04/2000

Sidang Dewan Rakyat dilanjut

KUALA LUMPUR, Ahad - Mesyuarat Pertama Penggal Kedua, Parlimen ke-10 yang berakhir pada 13 April ini akan dilanjutkan enam hari lagi bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Persidangan Dewan Rakyat dilanjutkan selama enam hari kerana mengikut undang-undang, rang undang-undang itu sahaja mengambil masa tiga hari," katanya kepada pemberita selepas meninjau sebuah kapal hovercraft buatan British di Mines Resort di sini, hari ini.

Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah merasmikan sidang Dewan Rakyat itu pada 14 Februari lalu.

(END)